

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

ATP205 - Pengurusan Awam

Tarikh: 16 April 1987 Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A. PILIH TIGA SOALAN DARIPADA EMPAT SOALAN DALAM BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Jelaskan:

- (a) Makna Pengurusan Awam
(5 markah)
- (b) Pengurusan Awam sebagai satu sains.
(5 markah)
- (c) Pengurusan Awam sebagai sastera kemasyarakatan.
(5 markah)
- (d) Perbezaan dan persamaan utama di antara pengurusan awam dan pengurusan perniagaan.
(10 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

2. "Pengurusan Melalui Matlamat" ("Management by Objectives") satu taktik pengurusan yang terbukti berjaya dalam syarikat-syarikat perniagaan seperti General Motors dan Sears Roebuck di Amerika Syarikat.

(a) Perihalkan konsep dan kefahaman MBO.

(12.5 markah)

(b) Sejauhmanakah MBO dapat dipraktikkan dengan berkesannya di dalam pengurusan awam.

(12.5 markah)

3. Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran adalah agensi pusat kerajaan yang mempunyai tugas-tugas tertentu untuk menentukan dasar-dasar kerajaan dijalankan dan diselaraskan.

(a) Perihalkan tugas-tugas itu.

(10 markah)

(b) Berikan saranan-saranan dengan alasan bagaimana Bahagian ini dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi.

(15 markah)

4. Sistem Bilik Gerakan ("Operations Room System") digunakan oleh kerajaan Malaysia sebagai alat pengesanan dan penyelarasan perlaksanaan rancangan atau projek awam.

(a) Perihalkan masalah-masalah yang dihadapi yang boleh menghalang keberkesaan sistem ini.

(12.5 markah)

...3/-

- 3 -

- (b) Cadangkan satu model sesuai bagi menilai keberkesanan sistem ini.

(12.5 markah)

5. Dasar Ekonomi Baru (DEB) mempunyai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan sosio-ekonomi masyarakat Malaysia bagi mencapai perpaduan negara.

- (a) Perihalkan andaian-andaian utama yang menjadi asas dasar ini.

(10 markah)

- (b) Cadangkan satu model sesuai bagi menilai keberkesanan dasar ini.

(15 markah)

-ooo000ooo-

